

Perairan Pengerang hingga Sepang lokasi sindiket seludup

Kuala Lumpur: Perairan Pengerang, Johor hingga ke Sepang, Selangor dikecaskan menjadi lokasi utama sasaran sindiket penyeludupan migran, rokok, arak dan dadah melalui jalan laut bagi mendaratkan muatan haram sebelum diedar ke premis perusahaan di seluruh Semenanjung.

Laluan sepanjang 340 kilometer itu dikesan menjadi tumpuan sindiket berdasarkan faktor geografi yang hampir dengan negara jiran, selain mudah meleloskan diri tanpa dikehjahan.

Komander Pasukan Marin, Senior Asisten Komisioner Mohd Yusoff Matmat, berkata walaupun lo-

kasi tumpuan mereka dikenal pasti, modus operandinya kerap diubah bagi mengelirukan pihak berkuasa.

Katanya, antara modus operandi sindiket penyeludupan itu ialah menggunakan kapal besar yang berlabuh di tengah laut sebelum muatan diagih kepada bot kecil untuk didaratkam.

"Kita juga mengesahkan penggunaan litar kamera tertutup (CCTV) diletakkan pada pokok dan laluan sasaran sindiket di sekitar Timur Johor bagi mengesahkan kehadiran penguasa kuasa.

"Selain itu, kawasan pantai timur Sabah teru-

tama di Tawau dikesan menjadi lokasi tumpuan sindiket penyeludupan membabitkan barang Akta Kawalan Bekalan seperti gas cecair petroleum (LPG) dan minyak subsidi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Memperkenalkan moto 'tiada hari tanpa keberhasilan', Mohd Yusoff berkata, sebanyak 5,645 kes diselesaikan dengan nilai rampasan RM180.71 juta sepanjang setahun beliau menjadi Komander Pasukan Marin.

"Jumlah rampasan meningkat 122 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya," kata nya.